

# 'Siap tesis dalam bilik ICU'

■ Isteri naik pentas ambil ijazah untuk arwah suami meninggal akibat sakit jantung

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
moraina@hmetro.com.my  
Nilai

"Saya dan suami menyimpan impian untuk bersama-sama menyambung pengajian peringkat sarjana selepas ini, tetapi impian itu tidak kesampaian kerana dia sudah meninggalkan saya," kata Nordiana Abdullah, 34.

Nordiana melangkah naik ke pentas Dewan Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Istiadat Konvokesyen ke-13, semalam tanpa mengenakan jubah konvokesyen seperti graduan lain.

Dia menerima ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Bahasa Inggeris) mewakili arwah suaminya, Mohamad Lokman Bujang, 38, yang meninggal dunia pada 11 Mei lalu akibat sakit jantung.

Menurutnya, arwah suaminya disahkan menghidap sakit jantung pada Disember tahun lalu dan sepanjang tempoh itu, keadaannya semakin serius hingga dimasukkan ke hospital.



NORDIANA menunjukkan ijazah dan kad pelajar arwah suaminya.

## FAKTA

Nordiana tekad sambung pengajian ke peringkat sarjana walaupun tanpa suami bersama

"Dia seorang yang kuat semangat meskipun berada di Unit Rawatan Rapi (ICU); tetapi dia tetap berusaha menyiapkan tesisnya. Saya memberikan semangat dan dorongan supaya dia tabah dan berusaha menamatkan pengajiannya.

"Dia ada berjanji mahu menyambung pengajian pe-

ringkat sarjana bersama saya selepas ini. Bagaimanapun, Allah lebih sayangkan dia. Saya berhasrat meneruskan impian arwah suami dengan menyambung pengajian seorang diri tanpanya," katanya.

Nordiana yang bekerja sebagai Pegawai Tadbir di agensi kerajaan dikurniakan dua anak perempuan berusia lapan dan dua tahun hasil perkahwinan dengan arwah suami selama sembilan tahun.

Katanya, ibunya yang menetap di Sri Aman, Sarawak gembira diberitahu arwah suami tetap menerima segulung ijazah meskipun sudah pergi buat selama-lamanya.

"Ijazah ini akan menjadi kenangan buat saya dan pembakar semangat untuk saya meneruskan pengajian dan kehidupan bersama dua anaknya selepas ini," katanya yang menetap di Senawang.